



Prinsip Rantai Jagaan dan Rantai Keterangan: Keperluan kepada Pengiktirafan dan Pengaplikasian dalam Kes Syariah di Malaysia

Undang-Undang Keterangan Islam

Principles of Chain of Custody and Chain of Evidence: The Need for Recognition and Application in Malaysian Syariah Cases

17

Submitted: 31 March 2022
Revised: 25 April 2022
Accepted: 27 April 2022
E-Published: 30 April 2022

AHMAD AZAM MOHD SHARIFF (Corresponding Author)
MOHAMAD AZHAN YAHYA
RAMALINGGAM RAJAMANICKAM
MELISSA HSU TZU-HSIN
MUHAMMAD MUHAIMIN MOHD SUBKI
NURASYRAF FAHMI AZAHARI
JEEVITHA RAJA
SYAIDATUL SYAFFIQA MUHAMAD
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor
aazam@ukm.edu.my

ABSTRAK

Rantai jagaan dan rantai keterangan ialah prinsip keterangan yang menekankan integriti dan kekuatan sesuatu keterangan fizikal dan elektronik yang dikemukakan dalam perbicaraan. Kedua-duanya prinsip penting ini diaplikasikan secara meluas dalam perbicaraan kes jenayah dan sivil di mahkamah sivil di Malaysia. Prinsip berkaitan rantai jagaan dan rantai keterangan membangun dan berkembang hasil daripada keterangan forensik yang sering kali dikemukakan di mahkamah. Persoalannya bolehkah kedua-dua prinsip tersebut diguna pakai dalam perbicaraan mahkamah syariah di Malaysia? Penulisan ini mengguna pakai kerangka penulisan perundangan tulen secara kaedah kualitatif. Metodologi penulisan perpustakaan secara doktrinal digunakan sebagai kaedah pengumpulan data dan maklumat. Data dan maklumat tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan serta kaedah analitis kritis. Hasil penulisan mendapati peruntukan undang-undang Syariah di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah masih belum memperaku prinsip rantai jagaan dan rantai keterangan secara jelas. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar kedua-dua prinsip rantai jagaan dan rantai keterangan diperaku serta diaplikasikan dalam setiap perbicaraan mahkamah syariah di negara ini. Untuk menggapai matlamat tersebut, kedua-dua prinsip tersebut haruslah diiktiraf sebagai sebuah prinsip yang selari dengan prinsip keterangan syariah yang sedia ada. Dalam pada itu, peruntukan undang-undang syariah berkaitan di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dan enakmen-enakmen





syariah lain juga harus menjustifikasi serta memperakui secara jelas akan kedua-dua prinsip ini. Dalam proses ini, peruntukan undang-undang syariah berkaitan harus dipinda agar kedua-dua prinsip dapat diaplikasikan secara efisien.

Kata Kunci: Forensik Islam, Keterangan Syariah, *Qarinah*, Rantaian Jagaan, Rantaian Keterangan.

ABSTRACT

Chain of custody and chain of evidence are two evidential principles that emphasize on integrity and strength of physical and electronic evidence that tendered in trial. Both important principles are widely applied in criminal and civil litigation in civil courts in Malaysia. The principles on chain of custody and chain of evidence develop and grow as a result of forensic evidence which are often adduced in court. The question is, could these two principles be applied in the syariah court trials in Malaysia? This writing uses pure legal research framework which is developed qualitatively. Library research method is doctrinally used in data and information collection. These data and information are subsequently analyzed by using content analysis and critical analytical methods. This research discovers that syariah legal provisions under Syariah Court Evidence Enactments have yet to recognise explicitly the principles on chain of custody and chain of evidence. This study therefore suggests that the principles on chain of custody and chain of evidence should be explicitly recognised and applied in every syariah court trial in this country. In achieving such aim, both principles must be acknowledged as being in sync with existing syariah evidential principles. Meanwhile, related syariah legal provisions under Syariah Court Evidence Enactments and other syariah enactments must explicitly justify and acknowledge both principles. In such process, the related syariah provisions must be amended so that both principles can be applied efficiently.

Key words: Islamic Forensics, Syariah Evidence, *Qarinah*, Chain of Custody, Chain of Evidence

PENGENALAN

Prinsip keterangan syariah amat menitik beratkan aspek beban bukti dan darjah pembuktian apabila sesuatu keterangan itu dikemukakan dalam perbicaraan. Prinsip beban bukti ini adalah berdasarkan *qawaid fiqhiyyah* iaitu *al bayyinah 'ala al-mudda'ie wal-yamin 'ala man ankara*. Prinsip tersebut membawa erti sesiapa yang mendakwa seseorang melakukan kesalahan, maka dia berkewajipan untuk membuktikan dakwaannya. Manakala prinsip darjah pembuktian pula adalah berasaskan *qawaid fiqhiyyah* iaitu *al yaqiin la yuzaalu bisyakki* yang bererti keyakinan bahawa tertuduh tidak bersalah tidak boleh dinafikan dengan bukti keterangan yang meragukan (Saedon 1996). Kedua-dua kaedah fiqh di atas menjadi tunjang dalam perbicaraan sesuatu kes dalam menentukan sesuatu kausa tindakan dan kes *prima facie* di samping turut menjadi asas penghakiman mahkamah (Ahmad Azam, 2012).



Prinsip serta peruntukan undang-undang syariah di Malaysia masih belum mengaplikasikan prinsip rantai jagaan (*chain of custody*) dan prinsip rantai keterangan (*chain of evidence*) secara jelas di mahkamah syariah. Keadaan juga agak kompleks apabila timbul dakwaan bahawa kedua-dua prinsip tersebut adalah berasal daripada prinsip keterangan sivil yang tidak wajar diaplikasikan di mahkamah syariah. Dalam masa yang sama, tiada peruntukan undang-undang syariah di negara ini yang mendefinisikan serta mengaplikasikan kedua-dua prinsip tadi. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan tentang prinsip dan pengaplikasian rantai jagaan dan rantai keterangan dalam undang-undang syariah. Lanya turut menjustifikasi bahawa kedua-dua prinsip rantai jagaan dan prinsip rantai keterangan adalah selari dengan prinsip keterangan syariah yang sedia ada. Penulisan ini juga berhasrat agar kedua-dua prinsip rantai jagaan dan prinsip rantai keterangan diperakukan serta diiktiraf pengaplikasiannya dalam perbicaraan di mahkamah syariah. Ketiadaan peruntukan undang-undang syariah di negara ini yang mendefinisikan serta mengaplikasikan kedua-dua prinsip rantai jagaan dan prinsip rantai keterangan turut dianalisis.

KERANGKA DAN METODOLOGI PENULISAN

Artikel ini berpaksikan kerangka penulisan perundangan tulen, sekali gus menggunakan pendekatan kualitatif. Dalam mengumpul data dan maklumat yang berkaitan dengan prinsip rantai jagaan dan rantai keterangan serta prinsip-prinsip umum yang berhubung dengan keterangan syariah, penulisan perpustakaan secara doktrinal digunakan. Kesemua data dan maklumat tersebut kemudiannya dianalisis melalui kaedah analisis kandungan serta kaedah analitis dan kritis dalam mengenal pasti permasalahan dan dapatan serta mencadangkan penyelesaian.

Rantian Jagaan dan Rantian Keterangan: Definisi, Konteks dan Pengaplikasian

Prinsip keterangan sivil mengguna pakai istilah *evidence* manakala prinsip keterangan syariah mengunapakai istilah *bayyinah*. Kedua-dua istilah membawa erti tanda, bukti atau keterangan yang menemukan, menerangkan, menjelaskan serta membuktikan berlaku atau tidak berlakunya sesuatu kejadian yang menjadi fakta isu dan fakta relevan dalam sesuatu perbicaraan (Zaidan, 1984). Di Malaysia, Akta Keterangan 1950 adalah merupakan akta sivil yang mengawal selia perkara yang berkaitan dengan keterangan dan bukti bagi perbicaraan yang berlangsung di mahkamah sivil. Manakala Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-negeri pula adalah undang-undang yang mengawal selia proses pengemukaan bukti dan keterangan di mahkamah syariah.

Prinsip berkaitan rantai jagaan dan rantai keterangan adalah merupakan prinsip asas yang menunjangi proses mengemukaan keterangan fizikal dan elektronik dalam sesuatu perbicaraan. Apabila mengemukakan sesuatu *qarinah* dalam bentuk keterangan fizikal atau elektronik yang memerlukan kepada pembuktian forensik dalam perbicaraan, pihak pendakwa harus membuktikan bahawa kedua-dua rantai jagaan dan rantai keterangan tersebut kukuh, berkesinambungan serta



tidak terputus. Kedua-duanya diaplikasikan untuk memastikan agar keadilan dicapai bagi kedua-dua pihak (Ahmad Azam et al, 2015).

Antara bentuk keterangan yang pada kebiasaannya memerlukan kepada penjagaan rantaian jagaan dan rantaian keterangan ialah keterangan fizikal yang dikemukakan sebagai ekshibit barang kes serta spesimen yang diperolehi di tempat kejadian, foto, lukisan, rakaman video dan rakaman audio. Manakala antara contoh keterangan elektronik yang memerlukan kepada pemeliharaan kedua-dua rantaian di atas adalah keterangan dokumen digital, keterangan foto digital serta rakaman audio dan video digital. Penulisan ini mendapati kedua-dua prinsip rantaian dan rantaian keterangan telah sekian lama diaplikasikan dengan efisien dan terperinci dalam perbicaraan jenayah di mahkamah sivil di Malaysia. Walaupun kedua-duanya kelihatan sinonim dengan perbicaraan kes jenayah, namun prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan turut diaplikasikan dalam perbicaraan kes sivil yang melibatkan pengemukaan keterangan fizikal dan elektronik dalam perbicaraan serta perlu dibuktikan secara forensik (Heydon, 2019; Srimurugan, 2020).

Dalam konteks kes jenayah, rantaian jagaan adalah berhubung kait dengan perolehan, penjagaan dan pengaksesan kepada keterangan fizikal dan elektronik yang dikumpul di peringkat siasatan sehingga tiba hari ianya dibawa ke mahkamah untuk dikemukakan. Dalam konteks keterangan fizikal, proses rantaian jagaan bermula sebaik sahaja keterangan fizikal yang mengandungi sampel spesimen diperolehi di tempat kejadian serta direkodkan pengumpulannya sebagai ekshibit oleh pegawai penyiasat. Ini diikuti dengan proses seterusnya yang melibatkan pergerakan ekshibit keterangan fizikal dan spesimen dari tempat perolehan kepada tempat penyimpanan di bilik ekshibit, serta dari bilik ekshibit kepada tempat spesimen tersebut diuji secara forensik oleh pakar forensik di makmal kimia. Ia seterusnya melibatkan pergerakan kedua-dua ekshibit tadi dari makmal kimia kembali kepada tempat penyimpanan di bilik ekshibit sehinggalah apabila kedua-dua ekshibit tersebut dibawa ke mahkamah oleh pegawai penyiasat pada hari perbicaraan. Justeru, prinsip rantaian jagaan adalah merujuk kepada penjagaan dan kawalan ke atas pengaksesan kepada ekshibit keterangan fizikal dan spesimen daripada dicerobohi dan dimanipulasi oleh sesiapa di setiap peringkat pergerakan di atas. Pemeliharaan rantaian jagaan tersebut adalah bertujuan untuk memelihara integriti sesuatu ekshibit keterangan fizikal dan spesimen yang dikumpulkan serta dikemukakan di mahkamah (Ahmad Azam et al, 2015; Mazupi, 2014).

Dalam senario di atas, penjagaan dan pengaksesan ke atas ekshibit keterangan fizikal dan spesimen di setiap peringkat siasatan perlu dikawal dengan ketat. Setiap pergerakan dan pengaksesan ke atas ekshibit keterangan fizikal dan spesimen akan melalui tatacara yang rigid di mana tarikh, masa, tempat serta identiti pegawai penyiasat yang mengaksesnya akan dicatat dalam laporan jagaan atau *custody report*. Apabila ekshibit dihantar oleh pegawai penyiasat ke jabatan forensik untuk penganalisisan forensik, pergerakan dan pengaksesan ke atas ekshibit pada tarikh, masa, tempat serta identiti pakar forensik yang mengakses dan menguji sampel spesimen akan turut dicatat (Azam et al 2015; Mazupi 2014).



Apabila tiba di peringkat perbicaraan di mana pihak pendakwa harus membuktikan kewujudan rangkaian jagaan dalam pendakwaannya, pihak pendakwa harus mengemukakan ekshibit keterangan fizikal dan sampel spesimen (yang kini dikemukakan sebagai ekshibit barang kes) melalui pegawai penyiasat yang bertanggung jawab untuk mengumpul, menyimpan serta mengendalikan barang kes tersebut di sepanjang tempoh siasatan. Ekshibit-ekshibit tersebut juga dikemukakan melalui pegawai forensik yang bertanggung jawab untuk menerima dan menyimpan barang kes, menguji sampel spesimen, serta mengembalikan semula ekshibit-ekshibit dan laporan keputusan ujian forensik kepada pegawai penyiasat. Dalam senario-senario di atas, kesemua pegawai terbabit akan disापina ke mahkamah untuk memberi keterangan lisan. Semasa keterangan lisan diberikan, kesemua ekshibit dan laporan jagaan atau *custody* akan dikemukakan melalui saksi berkaitan. Saksi kemudiannya akan diminta untuk mengesahkan kepada mahkamah identiti ekshibit barang kes secara lisan. Sekiranya identiti ekshibit disahkan dan mahkamah berpuas hati, saksi seterusnya akan membuat pengesahan, melalui keterangan lisan dan melalui laporan jagaan atau *custody*, segala butiran terperinci mengenai penjagaan dan pengaksesan kepada ekshibit tadi di sepanjang masa ianya dikendalikan oleh mereka (Ahmad Azam et al,2015; Mazupi 2014).

Pihak pendakwa bukan sahaja perlu membuktikan rangkaian jagaan bagi ekshibit keterangan fizikal dan sampel spesimen di atas, malah turut perlu membuktikan rangkaian keterangan dalam pendakwaan mereka. Pada hakikatnya, prinsip rangkaian keterangan melihat dan menilai ekshibit barang kes di atas dari sisi yang berbeza serta lebih luas. Rangkaian keterangan dalam ertikata lain akan menilai pergerakan ekshibit barang kes (dari masa perolehan di tempat kejadian sehingga kepada ketika ianya dikemukakan di mahkamah) sama ada ianya berlaku secara berturutan sehingga mewujudkan suatu rangkaian keterangan yang saling bersambungan, berkesinambungan serta tidak terputus. Dalam erti kata lain, prinsip rangkaian keterangan melihat kepada kelangsungan dan kesinambungan pergerakan ekshibit barang kes yang turut menjadi salah satu faktor penentu kebolehterimaannya dalam dalam sesuatu perbicaraan (Heydon,2019; Mazupi 2014).

Harus diingat dalam membuktikan kerelevanan sesuatu fakta melalui ekshibit barang kes dan sampel spesimen, pembuktian kewujudan rangkaian jagaan dan rangkaian keterangan bagi kedua-dua barang kes tersebut adalah sebahagian daripada pembuktian fakta relevan itu sendiri. Kedua-dua aspek saling diperlukan dalam usaha memastikan agar ekshibit barang kes yang dikemukakan mempunyai kekuatan serta nilai kebolehppercayaan yang tinggi serta wajar dipertimbangkan oleh mahkamah (Heydon,2019).

Pengiktirafan Prinsip Rangkaian Jagaan dan Rangkaian Keterangan oleh Prinsip serta Peruntukan Undang-undang Keterangan Sivil

Rangkaian jagaan dan rangkaian keterangan adalah merupakan prinsip-prinsip asas dalam undang-undang keterangan sivil. Kedua-dua prinsip adalah merupakan dua



kaedah pembuktian dalam memastikan agar keterangan fizikal dan elektronik yang dikemukakan itu kukuh dan relevan. Rantainya jagaan merujuk kepada kaedah serta proses mengawal pengaksesan kepada keterangan-keterangan bermula dari awal sehinggalah ke peringkat ianya dikemukakan sebagai keterangan dalam perbicaraan (Habibah et al, 2018). Dalam perbicaraan kes jenayah, sekiranya pihak pendakwa berjaya membuktikan kepada mahkamah bahawa keterangan fizikal yang dikemukakan itu telah dikendalikan oleh pegawai atau pihak yang bertanggung jawab memperolehi, menyimpan dan mengendalikannya, serta telah diakses pada tarikh, masa dan tempat yang tidak menimbulkan sebarang keraguan pada pengamatan mahkamah, maka rangkaian jagaan tersebut boleh dianggap telah dijaga dengan rapi.

Pelaksanaan prinsip rangkaian jagaan dalam suatu pengemukaan keterangan adalah bertujuan untuk memelihara kekukuhan dan integriti keterangan fizikal yang dikemukakan (*Davood Lofti Galehdar Shamorad v PP [2015]* dan *Hamidreza Khanjaloo Gholamreza v PP [2015]*). Rangkaian keterangan sebaliknya membawa pengertian yang lebih luas daripada rangkaian jagaan. Ini kerana prinsip ini menilai pergerakan sesuatu keterangan fizikal yang dikemukakan secara keseluruhannya dalam menentukan sama ada telah wujud suatu siri keterangan yang berlanjutan, berkesinambungan serta tidak terputus (Habibah et al, 2018). Dalam sesuatu pendakwaan jenayah contohnya, sekiranya pihak pendakwa berjaya membuktikan bahawa keterangan forensik yang dikemukakan telah membentuk suatu rangkaian keterangan yang berlanjutan dan berkesinambungan dari saat ianya dikumpul dan disimpan, kemudiannya dikendalikan oleh pihak yang bertanggung jawab serta akhirnya dikemukakan di mahkamah, maka rangkaian keterangan dilihat bersambungan serta tidak putus. Apa yang penting, fakta dan keterangan yang dipelihara rangkaian jagaan dan rangkaian keterangannya haruslah juga dibuktikan sebagai fakta yang relevan dalam perbicaraan yang sedang berlangsung (*Gunalan Ramachandran & Ors v PP [2004]*).

Pada hakikatnya, tiada sebarang peruntukan undang-undang di bawah Akta Keterangan 1950 yang menyebut secara jelas akan kedua-dua prinsip ini. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa peruntukan seperti seksyen 6 yang menerima pakai prinsip *res gestae* daripada *common law*, seksyen 7 yang memperuntukkan tentang jenis-jenis fakta yang relevan dan seksyen 15 yang memperuntukkan tentang siri kejadian serupa yang menyatakan kepentingan suatu rangkaian fakta untuk menunjukkan suatu fakta yang relevan. Kepentingan untuk membina suatu rangkaian fakta inilah yang menjadi asas kepada keperluan membuktikan kewujudan rangkaian jagaan dan rangkaian keterangan dalam sesuatu perbicaraan di mahkamah sivil (Srimurugan,2020).

Walau bagaimanapun, perkembangan terkini undang-undang keterangan sivil telah memberi penekanan ke atas pentingnya memelihara rangkaian jagaan dan rangkaian keterangan dalam kes-kes yang melibatkan pengemukaan keterangan dokumen elektronik. Ini disebabkan cabaran yang wujud apabila berurusan dengan dokumen-dokumen bukan fizikal seperti dokumen elektronik yang memerlukan kepada pembuktian keaslian, integriti dan kebolehpercayaan keterangan tersebut. Sekiranya kedua-dua rangkaian tersebut terpelihara serta tidak terputus atau terganggu, maka



ianya bolehlah dianggap sebagai keterangan dokumen elektronik yang kuat serta berintegriti di sudut pengemukaan dan kandungannya (Gita,2022).

Walaupun prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan hanya wujud secara tersirat dalam Akta Keterangan 1950, tidak terdapat sebarang keperluan untuk meminda mana-mana peruntukan agar definisi dan pengaplikasiannya dapat diperincikan. Ini kerana kelompangan tersebut disokong secukupnya dengan prinsip undang-undang yang ditegakkan dalam penghakiman kes. Melalui doktrin duluan kehakiman, pengaplikasian prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan mendapat panduan secukupnya sehingga kedua-duanya dapat diaplikasikan secara lancar dan efisien di mahkamah sivil (Srimurugan,2020).

Prinsip Rantaian Jagaan dan Rantaian Keterangan: Analisis dari Perspektif Prinsip Keterangan Syariah

Pengiktirafan terhadap prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan oleh prinsip syariah adalah kurang jelas. Ini kerana walaupun prinsip keterangan syariah secara umumnya menekankan konsep perbicaraan adil, kekuatan dan ketulenan sesuatu keterangan serta kepentingan sesuatu keterangan itu untuk disokong oleh keterangan lain, golongan ilmuwan yang berkepakaran dalam bidang keterangan syariah serta mereka yang beramal di mahkamah syariah jarang sekali mengaitkannya secara khusus dengan prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan. Malah, kadang kala wujud persepsi yang berpandangan bahawa kedua-dua prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan tidak seharusnya diterima pakai di mahkamah syariah lantaran kedua-duanya berasal daripada prinsip keterangan sivil. Dalam masa yang sama, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 pula tidak mendefinisikan mahupun memperuntukkan sebarang peruntukan yang jelas berkaitan prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan.

Sungguhpun demikian, prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan adalah sama sekali tidak bertentangan, malah selari dengan prinsip keadilan yang disebut dalam al-Quran dan al-Sunnah (Wan Arfah,2009). Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Nahl ayat 90 yang bermaksud:

*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan
serta menjauhkan diri dari perbuatan keji dan mungkar.*

(Al-Nahl,16: 90)

Justeru demi keadilan, adalah amat bertepatan sekiranya rantaian jagaan, yang melibatkan kawalan ke atas pengaksesan keterangan *qarinah*, dipelihara dengan sempurna bermula pada peringkat siasatan sehinggalah ke peringkat *qarinah* tersebut dibawa ke mahkamah pada hari perbicaraan. Dalam masa yang sama, adalah juga suatu keadilan sekiranya pihak pendakwa berjaya membuktikan dalam pendakwaannya bahawa rantaian keterangan tetap bersambungan serta berkesinambungan melalui pembuktian wujudnya kelangsungan pergerakan



keterangan sehingga mengukuhkan keterangan *qarinah* yang dikemukakan (Ahmad Azam, 2012).

Pemeliharaan rantai jagaan dan rantai keterangan dari peringkat pengumpulan *qarinah* sehingga ke peringkat pengemukaannya semasa pendakwaan jelas selari dengan prinsip kebolehterimaan *qarinah*. Firman Allah S.W.T dalam Surah Yusuf ayat 25 hingga 27 yang bermaksud:

Dan mereka berdua pun berkejaran ke pintu serta perempuan itu mengoyakkan baju Yusuf dari belakang; lalu terserempaklah keduanya dengan suami perempuan itu di muka pintu. Tiba-tiba perempuan itu berkata (kepada suaminya); "Tidak ada balasan bagi orang yang mahu membuat jahat terhadap isterimu melainkan dipenjarakan dia atau dikenakan azab yang menyiksanya. Yusuf pula berkata: "Dialah yang memujukku berkehendakkan diriku." Suaminya tercengang mendengarnya) dan seorang daripada keluarga perempuan itu (yang ada bersama-sama) tampil memberi pendapatnya dengan berkata: "Jika baju Yusuf koyak dari depan maka benarlah tuduhan perempuan itu, dan menjadilah Yusuf dari orang yang berdusta." Dan jika bajunya koyak dari belakang, maka dustalah perempuan itu, dan Yusuf ialah dari orang-orang yang benar. Setelah suaminya melihat baju Yusuf koyak dari belakang, berkatalah ia: "Sesungguhnya tipu daya kamu amatlah besar pengaruhnya.

(Yusuf,12: 25-27)

Abdul Karim Zaidan menegaskan *qarinah* adalah merupakan keterangan dalam bentuk tanda-tanda yang menjadi bukti kewujudan atau ketidakwujudan sesuatu fakta itu (Zaidan,1984). Sekiranya sesuatu *qarinah* yang dikemukakan adalah relevan kepada fakta relevan, mahkamah boleh mendengar serta mempertimbangkannya. Sekiranya *qarinah* tersebut didapati kuat, maka mahkamah boleh menjadikannya sebahagian daripada asas dalam penghakiman kes. Ini sekaligus bertepatan dengan prinsip *qarinah al zahirah* atau *qarinah qawiyah* yang dihujahkan oleh Ibn Qayyim (Ibn Qayyim,1995). Konsep serta keperluan untuk mengemukakan keterangan yang kuat juga berkait rapat dengan perintah Allah S.W.T dalam Surah al Hujuraat, ayat 6 yang menggesa agar suatu siasatan dilakukan untuk menentukan kebenaran sebarang berita yang diragui kebenarannya. Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Hujurat, ayat 6 yang bererti:

Wahai orang-orang yang beriman. Jika datang kepadamu seorang fasiq dengan membawa sesuatu berita, maka selidikilah akan kebenaran (beritanya).

(Al-Hujurat,49:6)

Dalam erti kata lain, kedua-dua prinsip pemeliharaan rantai jagaan dan rantai keterangan berupaya memastikan agar setiap *qarinah* yang dikemukakan berintegriti dan berwibawa serta mempunyai pertautan dan kesinambungan. Fakta-fakta yang



berkesinambungan ini saling sokong menyokong antara satu sama lain sehingga menjadikan ia sebagai keterangan *qarinah* yang kuat (Ahmad Azam et al,2015; Munzil et al, 2015).

Tindakan memelihara rantai jagaan sesuatu *qarinah* yang dikemukakan dalam sesuatu pendakwaan juga adalah berasaskan kepada prinsip amanah, tanggung jawab dan integriti. Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Nisa' ayat 58 yang bererti:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan memerintahkan kamu menetapkan hukum di antara manusia dengan ketetapan yang adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

(Al-Nisa', 4: 58)

Apabila pegawai penguatkuasa agama yang memperolehi serta mengumpul keterangan *qarinah* di peringkat siasatan bertindak menjaga rapi rantai jagaan di sepanjang proses perolehan dan pengumpulannya sehinggalah ke hari dan ketika *qarinah* itu dibawa ke mahkamah pada hari perbicaraan, ini menunjukkan bahawa proses tersebut telah dilakukan dengan penuh jujur dan berintegriti yang mana ini selari dengan tuntutan amanah yang difirmankan oleh Allah S.W.T dalam ayat di atas. Menurut hukum syarak, antara maksud sifat amanah ialah jujur, berhemat, cermat, serta tidak menyeleweng. Dalam ertikata lain, sifat-sifat di atas diperlukan di sepanjang pemeliharaan rantai jagaan yang melibatkan kawalan ketat ke atas segala *qarinah* serta sampel spesimen yang dikumpul dan disimpan serta dikendalikan sehinggalah ke hari spesimen tersebut dikemukakan sebagai keterangan di mahkamah. Sifat amanah di atas turut diperlukan setiap kali laporan berkaitan maklumat jagaan atau *custody* dibuat untuk dikemukakan sebagai keterangan (Khairul Hamimah, 2018).

Jika *ditadabbur* dan dianalisis, ternyata prinsip rantai keterangan ada tersirat di sebalik kisah Nabi Yusuf dalam al-Quran. Dalam Surah Yusuf ayat 8 hingga 12, satu rantai siri perbuatan dan peristiwa (yang boleh diertikan sebagai rantai keterangan) dilihat wujud yang sebenarnya membuktikan jenayah yang dilakukan oleh saudara-saudara Nabi Yusuf ke atas baginda. Hal ini dapat dilihat apabila saudara Nabi Yusuf mengundang Nabi Yusuf untuk keluar serta tindakan mereka meninggalkan Nabi Yusuf di telaga. Kemudiannya dalam usaha mereka melakukan perdayaan, mereka telah mempersembahkan baju Nabi Yusuf kepada ayahanda mereka dalam keadaan baju tersebut telah dilumurkan dengan darah palsu semata-mata untuk mengesahkan dakwaan palsu bahawa Nabi Yusuf telah diserang oleh serigala. Kesemua kejadian di atas telah membentuk suatu rantai keterangan berkaitan fakta relevan yang menyokong dakwaan palsu mereka (Al-Quran Terjemahan,2012).

Ada satu pengajaran penting yang boleh diambil dari insiden Nabi Yusuf dan saudaranya. Disebabkan kerana saudara Nabi Yusuf telah menganiayai Nabi Yusuf sendiri serta cuba memperdayakan ayahanda mereka dengan mengemukakan baju



Nabi Yusuf yang telah dilumurkan dengan darah palsu, ini menunjukkan betapa mereka yang mempunyai akses kepada sesuatu bukti dan keterangan harus jujur dalam urusan mereka. Justeru sekiranya sesuatu *qarinah* itu dicemari dengan sebarang faktor luar yang boleh mengubah keadaan keterangan tersebut daripada kedudukan atau keadaan asal, maka *qarinah* tersebut menjadi lemah dan kadar kebolehpercayaan keterangan tersebut akan menjadi rendah. Sebaliknya sekiranya mereka yang bertanggung jawab mengumpul, menyimpan serta mengendalikan keterangan menjalankan tugas dengan penuh integriti dan amanah, maka sudah tentu *qarinah* tersebut akan menjadi kuat sekaligus meningkatkan kadar kebolehpercayaan *qarinah* tersebut (Yusuf Ali, 1991).

Berdasarkan penghujahan di atas, adalah tidak salah bagi prinsip serta peruntukan undang-undang syariah di Malaysia untuk memperakukan serta mengaplikasikan prinsip rantaian jagaan dan prinsip rantaian keterangan secara jelas di mahkamah syariah. Ini kerana walaupun kedua-dua prinsip tersebut belum diperdankan dalam kalangan para pengamal undang-undang syariah, ia sebenarnya amat selari dengan prinsip-prinsip syariah umum berkaitan keadilan, amanah dan *qarinah al zahirah*. Selain itu, kedua-dua prinsip rantaian tersebut juga selari dengan prinsip keterangan syariah yang telah diperakui selama ini iaitu prinsip keadilan dalam perbicaraan serta prinsip beban bukti dan darjah pembuktian yang dipikul oleh pihak pendakwa dan plaintif. Pengaplikasian prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan juga dilihat menyokong beberapa kaedah fiqh berkaitan prinsip keterangan syariah seperti *al aslu baraa'atul zimmah* asal yang bererti pada asalnya seseorang itu adalah dianggap bebas dari tanggungan kesalahan kecuali dibuktikan sebaliknya.

Dalam masa yang sama, peruntukan undang-undang berkaitan kerelevanan *qarinah* di bawah seksyen 5, seksyen 6 dan seksyen 7 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah turut wajar dijadikan asas kepada pelaksanaan prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan dalam perbicaraan di mahkamah syariah. Sebagai contoh, sekiranya sesuatu *qarinah* dalam bentuk keterangan fizikal serta sampel spesimen itu dikemukakan dalam perbicaraan sebagai ekshibit, ianya perlu menyokong fakta relevan di bawah mana-mana peruntukan kerelevanan di bawah seksyen 5, seksyen 6 dan seksyen 7. Dalam memastikan agar kedua-dua ekshibit tersebut dipertimbangkan serta dinilai oleh mahkamah sebagai *qarinah* yang kuat dan berintegriti, rantaian jagaan dan rantaian keterangan kedua-dua ekshibit tersebut haruslah berkesinambungan serta dijaga dengan rapi. (Mohd Munzil, 2015; Ahmad Azam, 2015).

Pemakaian Prinsip Rantaian Jagaan dan Rantaian Keterangan dalam Peruntukan Undang-undang Keterangan Syariah: Senario Semasa di Malaysia

Berdasarkan kes-kes syariah yang telah diputuskan sebelum ini, ternyata prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan tidak begitu disebut dalam penghakiman mahupun ulasan penghakiman kes-kes syariah di negara ini (Mohamad Helmi, 2018). Hal ini bermaksud, prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan seolah-olah tidak wujud dalam kes-kes syariah yang telah diputuskan. Kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah v Rosli bin Abdul Japar* [1428H] JH XXIII(II) ialah kes pertama di mahkamah



syariah yang menggunakan kaedah DNA sebagai keterangan. Kaedah DNA ini telah digunakan bagi membuktikan berlakunya kesalahan persetubuhan haram atau zina. Mahkamah menjatuhkan hukuman salah terhadap tertuduh berdasarkan kesamaan pada hasil ujian DNA tertuduh, pasangannya dan anak yang dilahirkan oleh pasangannya. Penghakiman kes dibuat berdasarkan keterangan pakar dan pembuktian secara forensik melalui laporan ujian DNA oleh Jabatan Kimia Malaysia. Walaupun kes ini bersandarkan kepada *bayyinah ra'yu al khabir* atau keterangan pakar serta laporan DNA yang kedua-duanya adalah merupakan *qarinah*, kedua-dua *qarinah* tidak dihubung kaitkan dengan prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan (*Pendakwa Syarie Negeri Sabah v Rosli bin Abdul Japar* [1428H]).

Begitu juga dengan kes *Mohammad Ismail bin Hj Abu Bakar v Hajah Rosita @ Nurul Asyiqin binti Hj Lakat* [2009] 3 ShLR, plaintif telah membuat tuntutan penafian anak yang dikandung oleh defendan sebagai anak hasil perkahwinan antara kedua-dua belah pihak dengan alasan perceraian telah berlaku pada 3 Februari 2007 sedangkan anak tersebut dilahirkan pada 7 September 2007. Bagi menentukan bahawa kedua-dua belah pihak berpuas hati dan tidak timbul isu penyesalan pada kemudian hari, satu ujian makmal melalui DNA telah dijalankan. Dalam kes ini, mahkamah bergantung sepenuhnya pada keterangan *qarinah* iaitu laporan ujian DNA tersebut. Namun sekali lagi, tiada rujukan dibuat dengan jelas terhadap prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan (*Mohammad Ismail bin Hj Abu Bakar v Hajah Rosita @ Nurul Asyiqin binti Hj Lakat* [2009]).

Daripada kedua-dua kes jenayah dan mal syariah di atas, pemakaian prinsip tidak dizahirkan secara jelas walaupun mahkamah dan peguam-peguam syarie mempunyai ruang dan peluang untuk menjadikan kedua-dua prinsip ini sebagai suatu prinsip yang perlu diambil kira dan dipertimbangkan oleh mahkamah (Mohamad Helmi, 2018).

Cadangan Mengiktiraf serta Mewujudkan Prinsip Rantaian Jagaan dan Rantaian Keterangan dalam Peruntukan Undang-undang Keterangan Syariah

Sekiranya mutu pensabitan dan penghakiman di mahkamah syariah di Malaysia ingin ditingkatkan, maka terdapat keperluan yang mendesak untuk menjaga rantaian jagaan dan rantaian keterangan dalam kes-kes syariah yang bergantung pada keterangan bersandarkan keadaan atau *qarinah*. Ini kerana rantaian jagaan akan mengikat keterangan-keterangan yang akan membentuk suatu siri kejadian. Rantaian tersebut akan menentukan kekuatan nilai dan kebolehpercayaan suatu keterangan, dan rantaian keterangan akan membantu dalam membuat kesimpulan bahawa tertuduhlah yang melakukan kesalahan yang dipertuduhkan.

Untuk merealisasikan hasrat di atas, penulis dengan ini mencadangkan agar kedua-dua prinsip rantaian jagaan dan prinsip rantaian keterangan diperakui serta diaplikasikan dalam setiap perbicaraan mahkamah syariah di negara ini. Untuk menggapai matlamat tersebut, prinsip keterangan syariah harus menjustifikasi serta memperakui secara jelas kedua-dua prinsip ini. Dalam masa yang sama, peruntukan undang-undang di bawah Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah yang



terbabit juga harus dipinda agar kedua-dua prinsip tersebut diiktiraf secara jelas sehingga membawa kepada pelaksanaan prinsip keterangan syariah yang lebih efisien.

Penulisan ini mengemukakan dua cadangan berkenaan rantaian jagaan dan rantaian keterangan:

i. Rantaian jagaan dan keterangan sebagai prinsip keterangan syariah

Penulis mencadangkan agar kedua-dua prinsip rantaian jagaan dan prinsip rantaian keterangan diiktiraf sebagai suatu prinsip keterangan syariah yang sah. Walaupun kesedaran terhadap keperluan kepada pembuktian rantaian jagaan dan rantaian keterangan telah mula berputik, penulis menghujahkan bahawa perkembangan tersebut belum memadai. Ini kerana selagi mana prinsip-prinsip tersebut tidak diaplikasikan dalam hujah perbicaraan oleh pihak-pihak bertikai serta tidak dipertimbangkan, diterima serta diperakui oleh hakim syarie yang mendengar perbicaraan, ianya masih belum lagi diiktiraf sebagai prinsip keterangan syariah yang sah dan muktamad.

Prinsip keterangan syariah berkaitan rantaian jagaan dan rantaian keterangan adalah berpaksikan kepada prinsip syariah sedia ada yang telah mengiktiraf kebolehterimaan *qarinah*. Menurut prinsip ini, mahkamah hanya akan mempertimbangkan serta menerima *bayyinah* dan *qarinah* yang kuat sahaja (*qarinah al zahirah*) dalam memutuskan sesuatu fakta isu dan fakta relevan. Dalam hal ini, prinsip keterangan syariah turut mensyaratkan sesuatu *qarinah* hanya akan menjadi kuat sekiranya ianya saling sokong menyokong dengan *bayyinah* dan *qarinah* yang lain. Jika prinsip *qarinah* di atas menekankan tentang pembuktian secara kororatif, maka adalah amat wajar bagi prinsip keterangan syariah untuk turut mengiktiraf prinsip-prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan. Ini kerana kedua-dua prinsip rantaian tersebut dengan jelas mensyaratkan agar proses pengemukaan ekshibit barang kes dilaksanakan secara telus, berintegriti serta saling berturutan dan berkesinambungan dari awal barang kes diperolehi di tempat kejadian sehinggalah ke masa dan ketika ianya dibawa ke mahkamah untuk dikemukakan. Dalam hal ini, penulis menghujahkan bahawa kedua-dua prinsip rantaian tersebut adalah sebenarnya suatu perincian yang lebih mendalam kepada prinsip *qarinah* yang sedia ada. Kedua-dua prinsip rantaian sebenarnya turut menuntut agar proses pengumpulan, pengendalian serta pengemukaan ekshibit barang kes dilaksanakan serta dibuktikan secara berkesinambungan dan kororatif. Pelaksanaan kaedah pengumpulan, pengendalian dan pengemukaan ekshibit barang kes yang begitu rapi dan terperinci di bawah prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan sudah semestinya akan meningkatkan nilai probatif dan kebolehterimaan sesuatu ekshibit barang kes sekaligus membantu pembuktian sesuatu fakta relevan yang dibicarakan. Bersandarkan kepada segala hujah di atas, penulis dengan ini menghujahkan bahawa adalah amat wajar untuk mengiktiraf prinsip-prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan sebagai suatu prinsip keterangan syariah yang sah.



- ii. Penggubalan peruntukan baru di bawah Akta atau Enakmen Keterangan Syariah Negeri-negeri berkaitan prinsip rantaian jagaan dan prinsip rantaian keterangan

Penulis turut mencadangkan agar peruntukan baru digubal di bawah Akta atau Enakmen Keterangan Syariah Negeri-negeri untuk mengiktiraf serta mengaplikasikan prinsip rantaian jagaan dan prinsip rantaian keterangan.

Penulis mendapati bahawa setakat ini prinsip rantaian jagaan dan prinsip rantaian keterangan tidak dinyatakan langsung dalam mana-mana peruntukan sama ada sebagai suatu peruntukan mahupun sebagai misalan atau ilustrasi di bawah peruntukan. Keperluan untuk mengintegrasikan prinsip rantaian jagaan dan prinsip rantaian dalam enakmen keterangan syariah adalah disebabkan sistem kehakiman mahkamah syariah tidak mempunyai (serta belum bersedia) untuk melaksanakan doktrin duluan kehakiman (*doctrine of judicial precedent*) yang mengaplikasikan prinsip *stare decisis* sebagaimana yang diaplikasikan di mahkamah sivil (Ahmad Azam, 2012). Di bawah sistem kehakiman sivil, doktrin duluan kehakiman (sebagaimana yang diaplikasikan di mahkamah sivil) memformulasikan setiap keputusan berkaitan isu yang diputuskan oleh mahkamah terdahulu serta mahkamah yang lebih tinggi akan mengikat mahkamah yang terkemudian. Keputusan-keputusan yang diputuskan berkaitan sebarang isu menjadi garis panduan yang perlu sentiasa diingat dan diaplikasikan oleh hakim perbicaraan di mahkamah-mahkamah terkemudian.

Ketidak sediaan sistem kehakiman mahkamah syariah untuk melaksanakan doktrin duluan kehakiman adalah berasaskan beberapa alasan (Ahmad Azam, 2012). Alasan pertama adalah berkaitan penghakiman kes-kes syariah. Secara keseluruhannya, rekod penghakiman kes-kes syariah oleh mahkamah-mahkamah syariah di negara ini masih lagi belum memperincikan asas-asas penghakiman dalam isu-isu berkaitan keterangan dan prosedur syariah. Dalam masa yang sama, terdapat keperluan untuk meningkatkan kadar pelaporan penghakiman kes-kes syariah dalam jurnal-jurnal syariah agar setiap penghakiman mahkamah dapat dikeluarkan secara bertulis serta kemudiannya dilaporkan dalam jurnal dengan kadar kepantasan yang munasabah. Alasan kedua adalah berkaitan penyelarasan prinsip-prinsip asas keterangan. Di bawah sistem mahkamah sivil, doktrin duluan kehakiman akan memastikan agar prinsip-prinsip asas keterangan (seperti prinsip-prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan) yang diputuskan oleh mahkamah akan dipakai secara seragam di mahkamah-mahkamah di seluruh negara. Ini bererti doktrin tersebut berfungsi menyeragamkan serta menyelaraskan agar prinsip asas keterangan yang sama akan diaplikasikan di semua mahkamah. Proses penyeragaman sedemikian amat penting kerana adalah tidak adil sekiranya prinsip asas keterangan dan prosedur tidak diseragamkan kerana sebarang ketidakseragaman akan membawa kepada asas penghakiman yang berbeza-beza antara mahkamah.

Walaupun kepelbagaian dalam penghakiman kes-kes boleh jadi berbeza berasaskan kepada fakta kes dan suasana sekeliling yang berbeza serta bergantung kepada kebijaksanaan hakim pemutus, adalah suatu kewajiban untuk memastikan agar prinsip



asas berkaitan keterangan dan prosedur yang mendasari setiap penghakiman dan keputusan itu diseragamkan (Ahmad Azam,2012). Justeru, dikehendaki di sini agar satu-satunya cara yang praktikal dan munasabah untuk mencapai keseragaman ini adalah dengan meminda peruntukan undang-undang di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri agar prinsip rantaian jagaan dan prinsip rantaian dalam keterangan dapat diintegrasikan ke dalam peruntukan. Ini boleh dilaksanakan dengan cara meminda atau mewujudkan peruntukan baru ataupun mewujudkan misalan dan ilustrasi berkaitan.

Sekiranya pindaan peruntukan undang-undang dapat dilaksanakan, penulis yakin pelaksanaan kedua-dua prinsip rantaian tersebut mampu dilaksanakan dengan baik. Ini kerana model prinsip yang sama daripada undang-undang sivil boleh digunakan oleh mahkamah syariah untuk menentukan kes-kes yang memutuskan isu rantaian jagaan dan rantaian keterangan ini.

KESIMPULAN

Penulis menghujahkan bahawa kedua-dua prinsip berkenaan wajar diiktiraf sebagai prinsip keterangan syariah yang sah. Ini kerana ianya amat selari dengan pelbagai prinsip-prinsip keterangan syariah yang telah diperakui di dalam al-Quran dan al-Sunnah serta pandangan para ulama' sebelum ini. Dalam ertikata lain, kedua-dua prinsip rantaian jagaan dan rantaian keterangan sebenarnya menyokong serta memperincikan lagi prinsip keterangan syariah berkaitan beban bukti dan darjah pembuktian yang menuntut pihak pendakwa dan plaintif agar mengemukakan keterangan yang kuat yang meyakinkan agar membantu mahkamah membuat keputusan. Dalam masa yang sama, penulis turut mencadangkan agar peruntukan undang-undang baru di bawah Akta atau Enakmen-enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-negeri digubal bagi mendefinisikan serta memperuntukkan penggunaan kedua-dua prinsip tersebut. Pengiktirafan serta penggubalan di atas perlulah dilakukan secara teratur (Azizah,2015). Ini bagi memastikan agar keadilan dapat dicapai melalui proses pengemukakan keterangan yang kemas lagi tersusun.

RUJUKAN

Abdul Karim Zaidan. 1984. *Nizam al Qadha fi al Syariah al Islamiyyah*. Baghdad: Matba'ah al Ani.

Abdullah Yusuf Ali. 1991. *The Meaning of The Holy Quran*. USA: Amana Corporation.

Ahmad Azam Mohd Shariff. 2012. *Prosedur Siasatan dan Pendakwaan Kes Jenayah Syariah: Lakuna Dalam Perundangan Jenayah Syariah di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Azam Mohd Shariff, Mazupi Abdul Rahman dan Ramalinggam Rajamanickam. 2015. *Admissibility of DNA Evidence in Malaysian Syariah Courts: Setting the Right Course*. *Syariah Reports* [2015] 1 SHR v-ix – January-March.



Al-Quran dan Terjemahan. 2012. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Darul Iman.

Azizah binti Mohd Rapini. 2015. Ijtihad Dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Tumpuan Khusus Terhadap Konsep Syahadah. Kertas Kerja. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2015 (IRSYAD 2015)*, Kuala Lumpur, 2015.

Davood Lofti Galehdar Shamorad v PP 2015 [2015] 1 LNS 1224, Court of Appeal at Putrajaya.

Gita Redhakrishna. 2022. *Electronic Evidence in Malaysia: Admissibility and Discovery*. Malaysia: Sweet and Maxwell.

Gunalan Ramachandran & Ors v PP [2004] 4 CLJ 551, hlm 569

Habibah Omar, Siva Barathi Marimuthu and Mazlina Mahali. 2018. *Law of Evidence in Malaysia*. 2nd Edition. Malaysia: Sweet and Maxwell.

Hamidreza Khanjaloo Gholamreza v PP [2015] 1 LNS 1224, Court of Appeal at Putrajaya.

Ibn Qayyim. 1995. *Turuq al-Hukmiyah fi al-Siyasah al-Syari'yyah*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.

JD Heydon. 2019. *Cross on Evidence*. 12th Edition eBook. Malaysia: LexisNexis

Khairul Hamimah Mohammah Jodi. 2018. Nilai-nilai Islam dalam Program Pemulihan dan Rawatan Dadah di Pengasih. *Islamiyyat* 40 (2) 2018 141-149.

Mahmud Saedon. 1996. *An Introduction to Islamic Law of Evidence*. Shah Alam: Hizbi.

Mazupi Abdul Rahman. 2014. Prosecution Procedures in Criminal Cases: Royal Malaysia Police Perspective. Head of Deputy Director, Prosecution and Legal Unit, Criminal Investigation Division, Royal Malaysia Police, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Interview. 25th March 2014.

Mohamad Helmi Md Said. 2018. Pelaksanaan Prinsip Rantainya Jagaan dan Rantainya Keterangan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Pensyarah Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia, Mantan Pengamal Undang-undang, Pendakwaraya dan Peguam Syarie. Temubual. 10 Disember 2018.

Mohd Munzil Muhamad, Ahmad Azam Mohd Shariff, Ramalinggam Rajamanickam, Mazupi Abdul Rahman, Anowar Zahid dan Noorfajri Ismail. 2015. Qarinah: Admissibility of Circumstantial Evidence in Hudud and Qisas Cases. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. Vol 6 No 2 March 2015 141-150.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>

Srimurugan Alagan. 2020. *Law of Evidence: A Commentary*. Malaysia: Sweet and Maxwell.

Sowed Juma Mayanja. 2017. *Circumstantial Evidence and Its Admissibility in Criminal Proceedings: A Comparative Analysis of the Common Law and Islamic Law Systems*. *Journal of Law, Policy and Globalization*. Vol 67 2017.

Wan Arfah Hamzah. 2009. *A First Look at the Malaysian Legal System*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.